

PETIKAN TITAH

"KITA juga penuh yakin bahawa sektor swasta akan bersedia untuk memainkan peranan lebih besar serta bersikap proaktif dengan meneroka dan merebut peluang-peluang yang ada ke arah

**MANISNYA IMAN**

"DAN beriklanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau.

Rabu

8 Jun, 2005

1 Jamadilawal, 1426
Tahun 50 Bilangan 22[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Sepuluh Negara Satu
Masvarakat](#)[Sudut Perkhidmatan
Awam](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Belia](#)[Sari Pembangunan](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran
Kerja](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

BERDASARKAN maklumat

sehingga 30 Disember 2004,

Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam

mempunyai 42,191

kakitangan iaitu Bahagian I,

662 orang (2 peratus);

Bahagian II, 6,759 orang (16

peratus); Bahagian III,

10,266 orang (24 peratus);

Bahagian IV, 11,571 orang

(27 peratus) dan Bahagian

V, 12,933 orang (31 peratus).

Daripada jumlah itu,

jawatan tetap (56 peratus),

sebulan ke sebulan (26

peratus), kontrak (4 peratus)

dan open vote (14 peratus).

Manakala 52 peratus

(22,103) daripada mereka

adalah lelaki dan 48 peratus

(20,088) adalah perempuan.

- Sumber: JENDELA,

keluaran Disember 2004.

Jabatan Perkhidmatan

Awam, Jabatan Perdana

Menteri, Negara Brunei

Darussalam (2004 : 21).

Pelita Brunei Online

Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@pelita.gov.bn)**HALUAN**

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Konvoquesyen Ke-14 Institut Teknologi Brunei Tahun 2005 Masihi/1426 Hijrah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, pada hari Sabtu, 14 Mei 2005/5 Rabiulakhir 1426.

AMALKAN FALSAFAH PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita hadir beramai-ramai di majlis ilmu yang penuh dengan keberkatan ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada graduan-graduan yang akan menerima diploma yang telah berjaya mengharungi cabaran dan dugaan dalam pencarian ilmu yang menjadi bekal menentukan hala tuju kerjaya mereka seterusnya.

Sesungguhnya cabaran dan pengalaman semasa dalam pengajian itu merupakan satu perkara yang tidak dapat dinilai harganya, walaupun kadangkalanya amat pahit untuk diterima. Kepayahan dan penat lelah itulah yang juga mengajar erti hidup sebagai penuntut, remaja dan ahli masyarakat dan seterusnya dalam berkeluarga dan bernegara.

Saya juga berharap para ahli akademik Institut Teknologi Brunei akan terus-menerus berusaha seperti yang dibuktikan pada hari ini, dengan berjaya mendidik graduan-graduan ke arah pembangunan sumber tenaga manusia yang mahir, dalam bidang-bidang kejuruteraan, perdagangan dan teknologi infokomunikasi (ICT).

Saya juga ingin menyarankan kepada graduan-graduan supaya akan sentiasa terus berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing dengan memanfaatkan sepenuhnya apa jua kemudahan-kemudahan teknologi infokomunikasi dan peluang-peluang pendidikan yang sedia ada.

Ini adalah sejajar dengan kehendak masa kini yang memerlukan setiap individu mengamalkan falsafah pendidikan sepanjang hayat, demi memastikan kita tidak akan tertinggal, malah terus dapat bersaing dalam arus globalisasi dan era ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Penuntut-penuntut juga seharusnya bersyukur dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan paduka ayahanda yang melibatkan peruntukan kewangan yang besar.

Di samping itu, kejayaan sesebuah institusi pendidikan itu akan lebih bermakna melalui penerapan nilai-nilai etika dan jati diri graduan-graduan dalam memanfaatkan kemahiran masing-masing.

Jika perkara ini diambil ringan maka kesannya akan dirasakan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara.

Seterusnya, saya ingin berseru kepada graduan-graduan yang masih lagi mencari pekerjaan, supaya tidak akan terlalu bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata dalam menghulurkan peluang-peluang pekerjaan ini kepada mereka.

Tidak dapat dinafikan, sudah ada sebilangan kecil graduan institut ini yang memilih untuk bekerja di sektor swasta, namun jumlah mereka untuk membuka perusahaan sendiri masih amat berkurangan.

Sebagaimana jua yang telah dititahkan oleh paduka ayahanda sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam baru-baru ini, peluang bagi memperoleh kemahiran bekerja dan pengalaman berusaha sememangnya sudah banyak tersedia, yang mana tahap pencapaian matlamatnya tidak terlepas antaranya dari sikap individu sendiri.

Saya mendapat maklum bahawa Institut Teknologi Brunei kini juga sedang giat merancang untuk menubuhkan 'Business Incubation Centre' bagi membimbing graduan-graduan yang berminat menceburi bidang perniagaan dan perusahaan sendiri.

Saya percaya penubuhan pusat tersebut akan memberikan suntikan semangat kepada graduan-graduan untuk menceburi bidang keusahawanan setelah mereka menamatkan pengajian di institut ini.

Dalam keghairahan merancang kursus-kursus dan program-program baru ke arah memenuhi keperluan sumber tenaga manusia dan seterusnya mendukung pembangunan industri-industri baru, pihak Institut Teknologi Brunei hendaklah mengambil kira bidang-bidang yang relevan bagi tujuan rancangan penggantian tenaga-tenaga mahir dari kalangan teknisyen dan teknologis yang dijangka akan bersara dalam beberapa tahun yang akan datang ini.

Dalam hal ini, pihak Institut Teknologi Brunei adalah disarankan untuk mengadakan perundingan secara berterusan dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang terlibat demi memastikan kurikulum yang digubal menepati kehendak dan keperluan semasa agensi-agensi dan sektor swasta tersebut.

Akhirnya, saya penuh yakin penerima-penerima diplomat pagi ini akan terus berusaha dan berkhidmat dengan kecemerlangan demi agama, bangsa dan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.